

Title	Newspaper	Day	Date
IAP instrumen pelaburan alternatif	Berita Harian	Selasa	5 Julai 2016

Ms.B4

Selasa, 5 Julai 2016 BH

→ BISNES

IAP instrumen pelaburan alternatif

Kewangan & Perbankan



Ramadhan Fitri Elias
Ketua Pengurusan Syariah
di Maybank Islamic Bhd



[FOTO HIASAN]

IAP menyediakan pelaburan memberi pulangan lebih tinggi seperti projek perumahan berlandaskan syariah.



IAP adalah satu inovasi berimpak tinggi dalam kewangan Islam yang menyediakan pelaburan alternatif kepada pelabur”



Pelaburan patuh syariah terbukti semakin mendapat sambutan dalam kalangan pelabur individu dan institusi.

Seperti mekanisme pelaburan lain, risiko adalah sebahagian elemen tidak dapat dielakkan dalam instrumen pelaburan Islam, terutama yang terkandung dalam

akad perkongsian seperti mudarabah (perkongsian untung), musyarakah (perkongsian untung rugi) dan wakalah bil istithmar (perwakilan untuk pelaburan).

Hal ini amat berseesuaian dengan kaedah fiqhyyah, al-ghurmu bil ghunmi, iaitu 'tiada gajaran untung tanpa risiko'. Ia bermaksud seseorang tidak boleh mengharapkan untuk membuat keuntungan tanpa mengatarkannya dengan risiko dalam projeknya kerana setiap sesuatu keuntungan projek atau perniagaan haruslah selaras dengan risiko yang ditanggung oleh empunya projek atau perniagaan.

Justeru, ciri yang terdapat pada kontrak syariah seperti mudarabah, musyarakah dan wakalah bil istithmar dari segi tiada jaminan modal dan keuntungan adalah penting untuk memastikan sama ada pihak yang terlibat dalam pelaburan layak mendapat untung atau sebaliknya.

Baru-baru ini, satu lagi inisiatif strategik kewangan Islam dilancarkan iaitu Platform Akad Pelaburan (IAP), oleh Raed Holdings Sdn Bhd iaitu sebuah konsortium yang terdiri daripada enam bank Islam Malaysia - Maybank Islamic, Affin Islamic, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional.

Instrumen baharu

IAP adalah idea dipelopori Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai satu instrumen baharu pelaburan dan pada masa sama menyediakan platform bagi usahawan untuk meraih dana teroka secara atas talian dalam skala yang besar.

ia menyediakan banyak manfaat kepada pelabur awam yang meliputi individu persorangan dan badan berkaitan. Antara kebaikan IAP adalah ia memberi lebih fleksibiliti daripada segi pemedanan di antara tahap risiko yang boleh diserap pelabur (risk

appetite) dan portfolio pelaburan (investment portfolio).

Jika pelabur mempunyai daya ketahanan kepada tahap risiko yang tinggi, maka modal boleh dilipatgandakan dengan banyak dan pada masa sama mempunyai toleransi tinggi terhadap kehilangan modal. Dalam erti kata lain ia berkemungkinan besar kehilangan modal.

Begitulah juga sebaliknya untuk pelabur bersifat konservatif dan lebih kepada keuntungan kecil serta tiada toleransi kepada kehilangan modal. Seterusnya, pendedahan risiko yang kurang kepada bank disebabkan pelabur yang menanggung segala risiko dalam pelaburannya.

Di dalam IAP, konsep syariah yang diguna pakai adalah mudarabah. Justeru, pemodal atau pelabur (rabbul mal) yang menanggung segala risiko sekiranya projek usaha sama yang dilaburkan tidak mendatangkan sebarang keuntungan walaupun setelah diusahakan dengan penuh dedikasi dan komited oleh usahawan (mudarib) seperti yang telah dipersejuti bersama oleh kedua belah pihak.

Di sebelah pihak yang lain pula, usahawan (mudarib) yang menguruskan projek usaha sama hanya menguruskan dan memberikan kepakaran dalam melaksanakan projek usaha sama. Walau bagaimanapun, usahawan perlu membayar ganti rugi jika kegagalan atau kerugian projek usaha sama berpunca kecuaihan pihaknya.

Manfaat seterusnya ialah IAP adalah pasaran pelaburan yang dikawal selia oleh BNM secara sistematik. Bank-bank Islam yang memainkan peranan sebagai perantara di antara usahawan dan pelabur dikehendaki untuk membuat laporan berkala kepada BNM, di samping pemedanan berterusan daripada bank pusat.

Malah, ia lebih selamat kerana projek usaha sama telah diberikan taraf kredit oleh institusi penarafan kredit yang berautoriti, berwibawa dan tidak berkepentingan seperti Rating Agency Malaysia (RAM). Di samping itu, pulangan untung yang lumayan berseesuaian konsep asas kewangan iaitu semakin tinggi risiko, semakin banyak pulangan pelaburan (higher risk higher return).

Julat pulangan besar yang diberikan bermula kurang daripada lima peratus sehingga sembilan peratus atau lebih untuk kiraan secara tabunan, bergantung kepada risiko projek usaha sama yang ditanggung oleh pelabur.

Modal pelaburan tidak terbatas kerana ia tidak dihadkan kepada jumlah modal pelaburan minimum atau maksimum yang tertentu. Dalam erti kata lain, pelabur boleh melabur dalam apa jua jumlah pelaburan yang diinginkan berdasarkan kemampuan menanggung risiko masing-masing.

Justeru, pelabur mempunyai banyak pilihan pelaburan yang berseesuaian dengan mereka secara tidak langsung. Pengumpulan dana secara besar-besaran yang sangat cekap dan efektif secara dalam talian yang hampir menyamai ciri platform crowd-funding yang popular di Amerika Syarikat dan hab kewangan global.

Pelaburan berimpak tinggi

Malah, pelaburan IAP terbuka kepada pelbagai perniagaan spektrum termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), badan korporat, industri yang baharu berkembang dan juga usahawan perserongan untuk mendapatkan dana pembiayaan bagi pengembangan mereka.

Kesimpulannya, IAP satu inovasi berimpak tinggi dalam kewangan Islam yang menyediakan pelaburan alternatif kepada pelabur.